

**PM Prihatin Tubuh Jawatankuasa Khas Kaji Bayaran Tunai Hasil Petroleum –
Abdullah
Bernama
5 Ogos, 2012**

KEPALA BATAS, 5 Ogos (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan keputusan menubuhkan jawatankuasa khas mengkaji secara adil dan telus isu bayaran tunai hasil petroleum kepada negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia menunjukkan kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa prihatin terhadap rakyat.

Abdullah berkata beliau percaya keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak itu juga demi kepentingan rakyat terutama penduduk di negeri Pantai Timur.

"Alhamdulillah, bagus keputusan Perdana Menteri itu dan ini menunjukkan BN sentiasa mengambil berat hal berkenaan dan sikap seperti itu akan membuatkan rakyat akan lebih senang hati.

"Apa juga keputusan yang dibuat adalah untuk kepentingan semua pihak dan saya percaya pasti sesuatu yang baik akan dibuat oleh kerajaan," katanya kepada pemberita selepas majlis sumbangan Hari Raya Aidilfitri di Dewan Seri Endon, Pusat Budi Penyayang di sini hari Ahad.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685766>